

# Maqasid Shariah Dalam Pentadbiran Tanah

*Maqasid Shariah In Land Administration*

Zulhasmi bin Mohamad

Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN),  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Behrang, 35950 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

e-mel: zulhasmi@instun.gov.my

## Abstrak

Maqasid Shariah merujuk kepada tujuan pensyariatan undang-undang Islam. Ia berdasarkan kepada prinsip-prinsip maslahat kepada umat manusia secara universal yang diperoleh melalui nas-nas atau autoriti syariat Islam. Pentadbiran tanah pula merupakan aktiviti pengurusan tanah melibatkan aktiviti tertentu samada di peringkat kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri berlandaskan peruntukan undang-undang. Perbahasan yang menggabungkan kedua ini merupakan satu wacana baharu yang bertujuan mencungkil elemen-elemen maqasid shariah dalam Pentadbiran Tanah. Kajian ini menumpukan untuk mengenal pasti hubungan perundangan shariah ini dengan pentadbiran tanah dan pengaplikasiannya dalam pentadbiran tanah. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan metodologi analisis perpustakaan atau kajian literatur dalam memahami konsep yang ingin disampaikan. Rumusan daripada dapatan analisis perpustakaan akan mengulas mengenai 5 prinsip Maqasid Syariah iaitu keperluan menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dapatan dari kajian ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga pentadbiran tanah dan pihak yang terlibat secara tidak langsung dalam pentadbiran tanah.

**Kata kunci:** Maqasid Shariah, pentadbiran tanah.

## Abstract

Maqasid Shariah refers to the purpose of Islamic law. It is based on the principles of benefit to mankind universally obtained through the texts or authority of Islamic Sharia. Land administration is a land management activity involving specific activities either at the federal government or state government level based on legal provisions. The debate that combines the two is a new discourse that aims to unearth the elements of maqasid shariah in Land Administration. This study focuses on identifying the relationship between shariah law and land administration and its application in land administration. In order to achieve the objective, this study uses the methodology of library analysis or literature review in understanding the concepts to be conveyed. A summary of the findings of the library analysis will comment on the 5 principles of Maqasid Syariah which are the need to protect religion, life, reason, lineage and wealth. Findings from this study can benefit all citizens of land administration and those who are indirectly involved in land administration.

**Keywords:** Maqasid shariah, land administration

## PENGENALAN

Topik pentadbiran dan pengurusan sering dibincangkan dan dibahaskan oleh ahli-ahli dan pakar-pakar yang terlibat dalam bidang kepimpinan. Pentadbiran, pengurusan dan kepimpinan berkait rapat serta melengkapi satu sama lain sebagaimana yang telah digariskan secara menyeluruh melalui ajaran agama Islam.

Pentadbiran tanah pula ialah satu elemen dalam pengurusan tanah sama ada di peringkat persekutuan atau negeri. Jatuh bangun sesebuah organisasi, kecemerlangan atau kemerosotan prestasi sangat bergantung kepada sistem pengurusan yang cekap dan berkesan. Malah pengurusan yang cekap adalah perlu untuk kemajuan dan kemakmuran di peringkat yang lebih besar dari jabatan atau agensi iaitu kerajaan sesebuah negara. Pentadbiran menurut Ibnu Khaldun ialah kegiatan masyarakat dalam menguruskan hal-hal kemanusiaan, berkumpulan dan bermatlamat. Dalam hal ini, maksud urus tadbir ialah urusan mengelola atau menjalankan sesuatu pejabat (kerajaan, swasta) dan tugas menguruskan sesuatu pemerintahan.

Maqasid Shariah adalah sangat relevan dan sesuai digunakan sepanjang zaman dan boleh diaplikasikan kepada semua bidang. Maka, antara persoalan atau isu yang ingin diterjemahkan melalui penulisan ini adalah, Adakah Sistem Pentadbiran Tanah Mempunyai Hubungan Dengan Maqasid Shariah? Sehubungan itu, artikel ini akan melihat dan menilai tahap aplikasi maqasid shariah dalam sistem pentadbiran tanah. Objektif artikel telah disesuaikan untuk mengenal pasti hubungan perundangan shariah dengan pentadbiran dan pengaplikasiannya khusus dalam pentadbiran tanah. Antara contoh yang menjadi rujukan mengenai sistem tadbir urus Islam adalah pada zaman kegemilangan Khulafa al-Rasyidin yang berjaya membentuk dasar-dasar perundangan dan pentadbiran yang mendahuluikan kepentingan rakyat berpandukan maqasid shariah. Artikel ini akan mengupas mengenai sistem urus tadbir dan hubungannya dengan maqasid shariah dan aplikasinya dalam setiap aspek berkaitan pentadbiran tanah.

## Definisi Maqasid Shariah menurut Bahasa Arab

Perkataan “maqsad” atau “maqasid” bererti “maksud” atau “tujuan” dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Arab, perkataan tersebut berasal dari ‘qasdun’ yang membawa pelbagai makna antaranya menuju, arah, berjalan lurus atau memecahkan. Perkataan ‘al-qasd’ pula membawa maksud ‘tongkat’. Kegunaan tongkat memberi banyak faedah kepada manusia iaitu dapat membantu dan menyokong seseorang ketika berjalan. Kata jama’ (plural) al-maqasad ialah al-maqasid iaitu kata terbitan kepada kata kerja qasada, yaqsidu, maqsad dan qasd. Qasd dalam bahasa Arab (Al-Fayyumi, Ibn Fāris, 1979) mempunyai beberapa maksud iaitu:

- (a) Mendatangi sesuatu dan menghala ke arahnya.
- (b) Lurus dan tidak bengkok. Dikatakan dalam bahasa Arab, tariq qasid bermaksud jalan yang lurus dan mudah untuk dilalui.
- (c) Adil, pertengahan dan tidak melampau.
- (d) Memecahkan atau pecahan.

Manakala shariah pula dalam bahasa Arab bermaksud agama, jalan dan manhaj. Dari sudut istilah pula, Shariah bermaksud peraturan yang ditetapkan oleh Allah ke atas manusia melalui nabinya (Al-Yubi, 1998).

## Definisi Maqasid Shariah Dari Sudut Istilah

Terdapat pelbagai definisi al-maqasad mengikut istilah yang diberikan oleh para sarjana Islam. Diantara contoh bagi definisi-definisi tersebut ialah definisi yang dikemukakan oleh Allal Al-Fasi(1993) yang menyatakan bahawa maqasid Shariah ialah: “Tujuan pensyariatan dan rahsia yang diletakkan oleh syarak pada setiap hukumnya”. Manakala menurut Al-Raysuni(1992) pula menyatakan bahawa maqasid Shariah ialah: “Tujuan-tujuan yang ditetapkan oleh Shariah untuk direalisasikan bagi kemaslahatan manusia”. Muhammad Saad Al-Yubi (1998) pula menegaskan bahawa maqasid Shariah ialah: “Makna, hikmah dan seumpamanya yang diambil kira oleh syarak dalam pensyariatan secara umum atau secara khusus dengan tujuan untuk memberikan kebaikan kepada manusia”. Berdasarkan kepada definisi-definisi yang dikemukakan, maqasid shariah boleh disimpulkan sebagai perkara yang menjadi objektif syarak dalam penetapan hukum yang difahami melalui penelitian yang menyeluruh dan mendalam terhadap nas-nas syarak. Perkara tersebut memberikan kebaikan dan kemaslahatan kepada manusia di dunia dan akhirat.

## PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH DARI PERSPEKTIF ISLAM

Secara umumnya, setiap hukum yang telah diturunkan dan ditetapkan bertujuan memberikan kebaikan, kesejahteraan serta kebaikan (maslahah) dan berusaha menghindarkan keburukan (mafsadah) merangkumi aspek duniaawi dan ukhrawi. Penjagaan maqasid shariah adalah mengikut kepada keutamaan tertentu iaitu al-dharuriyyat (keperluan), al-hajiyah (kehendak) dan al-tahsiniyyah (keelokan dan kesempurnaan).

Dharuriyyah bertujuan menjaga keperluan asasi demi kelangsungan dan kesejahteraan hidup manusia seperti rumah, kesihatan, pakaian. Kehidupan manusia akan terjejas dan tidak teratur tanpa perkara dharuriyyah. Dharuriyyah menekankan kepada lima komponen utama iaitu agama (al-din), nyawa (al-nafs), akal (al-aql), keturunan (al-nasl) dan harta (al-mal) yang menjadi asas kepada penerusan hidup itu sendiri. Manakala Hajiyah berfungsi untuk meminimumkan kesukaran hidup seperti adanya rukhsah solat semasa dalam musafir. Kategori ketiga iaitu Tahsiniyyah bermaksud hal-hal yang menjadi tuntutan dari martabat diri dan akhlak yang mulia bermatlamatkan mencapai keselesaan dan kesempurnaan dalam kehidupan.

### Pentadbiran Tanah Oleh Rasulullah S.A.W.

Gambaran bagaimana urusan pentadbiran tanah diimplementasikan dari perspektif Islam memerlukan kita melihat dan memahami secara sepintas lalu bagaimana ianya diuruskan oleh pemimpin Agung umat Islam iaitu Rasulullah S.A.W. Isu pentadbiran tanah pada zaman Rasulullah mula mengambil tempat apabila berlaku penaklukan secara aman ke atas tanah Bani Nadir. Tanah ini telah ditadbir secara eksklusif oleh Rasulullah sebagai harta al-fay (harta-harta yang didapatkan dari bukan Islam dengan cara damai tanpa perang). Kemudian pada tahun 7 Hijrah berlaku penaklukan ke atas tanah orang Yahudi di Khaybar. Tanah tersebut telah ditinggalkan oleh Rasulullah kepada penduduk Khaybar untuk diusahakan secara kontrak ‘Musaqat’ (usahaama pengurusan dalam pertanian).

Apa yang terserlah dari rentetan sejarah ini ialah di dalam urusan pentadbiran dan pengurusan harta tanah (dan juga urusan lain) kuasa mutlak terletak pada Rasulullah kerana dalam menjalankan segala urusan dunia, beliau mendapat petunjuk langsung dari Allah.

Dalam pada itu, Rasulullah tidak membolot atau memonopoli segala urusan yang diamanahkan oleh Allah dan kuasa selaku Ketua Negara Islam yang diberikan kepadanya oleh umat Islam ketika itu. Sebaliknya Rasulullah telah mendelegasikan beberapa urusan pentadbiran kepada pegawai untuk melicinkan sistem penyampaian. Roh sistem pentadbiran sedemikian diambil oleh Rasulullah dari ayat Al-Quran yang bermaksud:

*"Bermesyuaratlah engkau (yakni Rasulullah) dengan mereka dalam hal/urusan. Bila engkau membuat keputusan, bertawakkallah kepada Allah, kerana Allah mengasihi mereka yang bertawakkal kepadaNya"*

*(Surah Al-Imran 3: 159)*

Bagi menguruskan pentadbiran tanah di wilayah-wilayah yang ditakluki Islam, Rasulullah telah melantik gabenor. Diantara gabenor yang terkenal ialah Muadh bin Jabal, Abu Musa Asyari, Yazid bin Abu Sufyan dan Amar Ibn Al-As. Apabila timbul masalah yang berhubung kait dengan urusan tanah, maka keputusan yang dianggap muktamad (*legally binding*) datangnya dari Rasulullah yang mana diasaskan kepada wahyu yang diturunkan oleh Allah.

Manakala, selepas kewafatan Rasulullah secara spesifiknya urusan pentadbiran tanah dipertanggungjawabkan dan dipindahkan kepada Khalifah yang merupakan pegawai eksekutif tertinggi yang memimpin umat Islam. Sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah turut semasa hayatnya, Khalifah yang memimpin umat Islam selepas kewafatan Rasulullah turut mendelegasikan kuasa pentadbiran kepada Menteri (Wazir), Gabenor dan Pegawai-pegawai di pelbagai Jabatan Pentadbiran termasuk hal ehwal tanah.

Khalifah mempunyai kuasa pemutus kepada masalah pentadbiran. Beliau akan meneruskan apa yang telah diputuskan oleh Rasulullah, jika masalah tersebut mempunyai persamaan dengan masalah yang pernah dikemukakan kepada Rasulullah. Namun, bagi masalah yang baharu yang mana tidak timbul semasa hayat Rasulullah beliau akan memutuskan perkara tersebut secara mentafsir ayat-ayat Al-Quran atau bermesyuarat dengan mereka yang arif dengan hukum Allah seperti sahabat yang hafaz Al-Quran, Menteri, Mufti dan pegawai pegawai eksekutif yang lain.

Satu contoh sistem pentadbiran yang sistematik dan telus selepas kewafatan Rasulullah dan Abu Bakar ialah sistem yang diperkenalkan oleh Khalifah Umar al-Khatib (633H-644H).

Bagi tujuan penyampaian maklumat yang berkesan, telus dan pantas, Umar telah membahagikan kawasan pemerintahan Islam kepada enam wilayah yang utama iaitu Mekah, Madinah, Syam, Basrah, Kufah dan Mesir. Masing-masing ditadbir oleh seorang gabenor yang dilantik oleh Umar.

Khalifah Umar juga merupakan perintis kepada amalan pentadbiran yang berdasarkan kepada pengasingan kuasa (*separation of power*), iaitu satu amalan pentadbiran yang diguna pakai oleh majoriti negara-negara moden di dunia kini termasuk Malaysia. Seperti yang diriwayatkan oleh Abu Yusuf, Umar telah menghantar satu delegasi yang terdiri daripada tiga orang ke Iraq. Seorang daripadanya ditugaskan untuk memimpin imam sembahyang dan peperangan, seorang ditugaskan dalam pentadbiran keadilan dan perbendaharaan, manakala seorang lagi ditugaskan bagi mengukur tanah-tanah baharu yang akan dikenakan cukai.

Dalam era pentadbirannya, Umar juga telah menggalakkan pembukaan tanah-tanah baharu dengan memberikan hak milik kepada sesiapa yang mengusahakan tanah tersebut secara produktif. Terdapat beberapa polisi atau dasar pengurusan dan pentadbiran tanah yang diperkenalkan oleh Umar, dan satu isu yang mempunyai pertautan langsung dengan polisi pentadbiran tanah dari perspektif Islam ialah kaedah dan prinsip pengagihan tanah.

### **Maqasid Shariah Dalam Pentadbiran Tanah**

Menurut Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2015) dalam kajiannya bertajuk Aplikasi Maqasid Shariah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam telah membincangkan konsep maqasid shariah dalam penentuan hukum pentadbiran negara yang berpandukan kepada sistem pemerintahan Khulafa al-Rasyidin. Sejarah Islam telah membuktikan bahawa pentadbiran para sahabat r.a. berjaya membentuk dasar-dasar negara berpandukan kepada maqasid shariah bagi menjamin kemaslahatan manusia.

Kajian oleh Mohd Hapiz Mahaiyadin (2017) yang bertajuk Hubungan Maqasid Shariah dan Siasah Syar'iyyah dalam Urus Tadbir menyatakan bahawa pentadbiran kerajaan hendaklah menitikberatkan kepentingan rakyat berdasarkan hubungan antara politik dan Islam. Kajian tersebut turut berkisar tentang hubungan maqasid shariah dengan penggubalan dasar kerajaan pada zaman Khulafa al-Rasyidin yang menjadikan Siasah Syar'iyyah sebagai mekanisme penting dalam tadbir urus Islam.

Umat Islam amat mementingkan kesejahteraan hidup umat manusia maka terhasillah prinsip-prinsip maqasid shariah. Lima prinsip maqasid shariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

## 1. Agama

Prinsip maqasid shariah yang pertama iaitu menjaga agama. Pentadbir perlu meletakkan kepentingan agama Islam di tempat yang utama dan tertinggi. Dalam konteks maqasid al-shariah, pengekalan kedudukan raja atau sistem monarki menjadi petanda baik tentang kewujudan maqasid al-shariah dalam perlombagaan. Hal ini berkait rapat dengan penjagaan agama yang merupakan maqasid al-shariah yang pertama. Pada peringkat persekutuan, Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua utama negara, manakala para raja atau sultan pada peringkat negeri merupakan ketua utama bagi negeri.

Para raja disyaratkan menganut agama Islam dan baginda juga merupakan ketua agama Islam di negeri masing-masing, manakala Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua agama Islam bagi negeri baginda dan negeri-negeri yang tidak beraja (Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak). Melalui maqasid al-shariah, tiada seinci pun tanah di Malaysia yang tidak dinaungi oleh raja sebagai ketua agama Islam. Agama Islam juga ditadbir mengikut budi bicara baginda dan bukan atas nasihat mana-mana pihak. Semua raja-raja Melayu mengangkat sumpah jawatan masing-masing untuk mentadbir berdasarkan perlombagaan, undang-undang dan keadilan, serta pada masa yang sama memelihara agama Islam.

Bagi membuktikan sistem demokrasi telah lama diamalkan di Malaysia, perlombagaan telah membincangkan dengan jelas kedudukan, peranan dan tanggungjawab raja yang berkaitan dengan agama Islam. Selain itu, perlombagaan juga mempunyai peruntukan yang jelas dan terperinci tentang kedudukan Islam. Oleh itu, dalam konteks maqasid al-shariah, walaupun perlombagaan mengesahkan sistem demokrasi melalui pilihan raya dan parlimen, namun dalam sistem tersebut terdapat beberapa elemen lain yang perlu diambil kira. Antaranya termasuklah sumpah raja-raja apabila menerima tanggungjawab sebagai ketua utama negara dan juga pada peringkat negeri sebagai ketua utama negeri untuk mentadbir negara berdasarkan perlombagaan, kedaulatan undang-undang, keadilan dan memelihara agama Islam. Di samping itu, pada peringkat negeri (sembilan buah negeri Melayu sahaja), kuasa raja-raja bagi melantik menteri besar begitu jelas melibatkan agama Islam. Walaupun syarat yang dikenakan oleh perlombagaan negeri bahawa seseorang itu hanya boleh dilantik sebagai menteri besar sekiranya beliau memenangi pilihan raya (melalui proses demokrasi) tetapi syarat lain yang dikenakan oleh perlombagaan negeri ialah beliau hendaklah juga beragama Islam dan berbangsa Melayu.

Walaupun syarat ini boleh dimansuhkan atau boleh diabaikan oleh raja-raja tetapi syarat ini menunjukkan bahawa sistem demokrasi yang diamalkan masih lagi bergantung pada kuasa raja. Tanggungjawab raja memelihara agama Islam juga boleh dilihat sebagai peruntukan yang menjadi parameter tertentu untuk melaksanakan sistem demokrasi di negara ini. Kuasa budi bicara raja berkenaan dengan agama Islam dan kuasa raja melantik hanya mereka yang beragama Islam dan berbangsa Melayu sebagai menteri besar merupakan peruntukan yang bersifat “semak dan imbang” dalam sistem demokrasi di Malaysia. Perkara ini boleh dijadikan sebagai parameter untuk memastikan demokrasi yang diterima dan diamalkan di negara ini tidak bersifat demokrasi liberal yang meletakkan rakyat sebagai penguasa politik untuk menentukan undang-undang dan polisi negara.

Meskipun dalam konteks maqasid shariah, negara menerima dan mengamalkan sistem demokrasi tetapi demokrasi tersebut tidak bersifat bebas untuk menentukan undang-undang, dasar dan polisi negara tanpa sebarang kawalan atau menjadi demokrasi liberal. Kesemua prinsip ini amat jelas dan berkait rapat dengan prinsip maqasid al-shariah untuk menjaga agama.

## 2. Nyawa

Perkara kedua dalam maqasid shariah adalah pemeliharaan nyawa dan menganggap nyawa adalah amanah dari Allah SWT. Pentadbir bertanggungjawab mengelakkan pertumpahan darah melalui jalan yang tidak dibenarkan berlaku. Dalam hal ini, perlombagaan negara ada memperuntukkan dalam perkara 5 bahawa seseorang yang berada di Malaysia (tidak mengira kewarganegaraan) hendaklah dijaga nyawanya. Peruntukan perkara 5 ini merupakan peruntukan pertama dalam Bahagian Kedua Perlombagaan Persekutuan, iaitu bahagian yang menjamin kebebasan asasi. Oleh sebab itu, hak nyawa dan kehidupan dimuatkan dalam perlombagaan. Namun, hak terhadap nyawa boleh dikecualikan atau tidak dijamin sekiranya terdapat peruntukan yang membolehkan seseorang itu dihukum mati menurut proses perundangan. Dengan perkataan lain, badan perundangan atau parlimen boleh menggubal undang-undang untuk meletakkan hukuman mati terhadap seseorang bagi kesalahan tertentu. Walau bagaimanapun, proses perundangan atau pentadbiran keadilan hendaklah dilaksanakan dengan menghormati hak yang dituduh.

Walaupun secara tersuratnya, perkara asas dalam perkara 5 hanya menyebut tentang hak untuk hidup tetapi melalui tafsiran yang dibuat oleh mahkamah dalam beberapa kes telah menjamin hak untuk mendapatkan kehidupan yang baik, seperti hak untuk mendapat bekalan seperti air yang bersih dan udara yang sihat.

Hak untuk hidup dan kehidupan yang baik dijamin oleh perkara ini. Maksudnya, seseorang itu bukan sahaja dijaga atau dijamin nyawanya tetapi kehidupannya juga dijaga. Misalnya, dalam perkembangan semasa, orang Asli berhak untuk mendapatkan kehidupan seperti kehidupan asal dan pembangunan sepatutnya tidak boleh dipaksa terhadap mereka. Dalam kes Sagong Tasi, (Sagong bin Tasi & Ors lwn Kerajaan Negeri Selangor, 2002) yang merupakan kes hak tanah di Malaysia, yang mana mahkamah memutuskan untuk menentang Kerajaan Negeri Selangor dan berpihak kepada plaintif Temuan-Orang Asli (juga dikenali sebagai Temuan). Hak orang Asli mengekalkan kehidupan mereka telah dimasyhurkan oleh mahkamah persekutuan. Bagi menjaga kualiti kehidupan mereka, perundangan yang berkaitan dengan alam sekitar diwujudkan bagi memulihara kebersihan alam sekitar seperti air, udara dan tanah yang menjadi asas untuk kehidupan yang baik.

### 3. Akal

Pemeliharaan akal ertinya memberi perlindungan kepada akal manusia dari apa-apa yang akan merosakkan. Akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat. Semua unsur-unsur yang menjurus pada kehilangan dan merosakkan akal serta pemikiran seperti arak, dadah serta filem dan bahan lain yang merosakkan, sudah semestinya dibanteras dan dihalang dengan segera.

Selain itu, penyediaan infrastuktur dan sistem pendidikan yang holistik serta terbaik menjadi tanggungjawab kerajaan bagi membolehkan setiap rakyat mendapat pendidikan sempurna. Penguasaan ilmu pengetahuan merupakan asas untuk mencapai kemajuan dan mewujudkan umat yang bertamadun. Dalam menghadapi cabaran globalisasi, faktor ilmu bersepudu, kemajuan sains dan teknologi sewajarnya menjadi fokus bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang bukan sahaja mempunyai ilmu dan keterampilan tetapi juga memiliki nilai-nilai murni yang sifatnya menyumbang terhadap pembangunan negara, bangsa dan manusia sejagat.

Manusia sangat istimewa dan unik berbanding makhluk lain kerana dikurniakan kelebihan akal fikiran. Keupayaan intelek manusia dalam membuat pilihan dan pertimbangan rasional bagi setiap tindakannya boleh dilaksanakan bila mana fungsi akal dimanfaatkan dengan sebaiknya. Meskipun Islam mengiktiraf kebebasan berfikir, namun di dalam Islam ianya tidak bersifat mutlak.

Sebaliknya, kebebasan berfikir masih perlu dibatasi oleh syarak dan berasaskan bimbingan daripada Al-Quran dan Sunnah agar tidak tersasar daripada landasan agama. Umat Islam wajib memelihara akal yang dikurniakan oleh Allah SWT dengan sebaiknya melalui pelbagai pendekatan yang boleh membangunkan fungsinya manakala sebarang perkara yang boleh menjelaskan fungsi akal wajar dijauhi. Galakan berfikir perlu dipraktikkan melalui pencarian ilmu, kajian, ijihad dan pemikiran kritis.

Merujuk kepada pemeliharaan akal dalam maqasid shariah, aspek latihan dan pembangunan modal insan mempunyai kedudukan strategik dan ia secara langsung menyumbang kepada pencapaian matlamat dan objektif sesuatu organisasi. Dalam dunia perkhidmatan awam yang sentiasa berubah dan pantas, latihan dan pembangunan modal insan adalah satu fungsi yang amat diperlukan. Latihan dan pembangunan modal insan biasanya adalah aspek yang sering dipandang remeh dalam senarai keutamaan kebanyakan agensi. Untuk memenuhi cabaran semasa dan masa depan perkhidmatan awam, latihan dan pembangunan modal insan seperti aktiviti pembelajaran serta latihan pekerja untuk melaksanakan tugas-tugas mereka sangat penting bagi membekalkan mereka dengan asas yang kukuh bagi pelaksanaan sesuatu kerja. Latihan membolehkan pekerja memperoleh kemahiran baru, mengasah kemahiran yang sedia ada, melakukan sesuatu perkara dengan lebih baik, meningkatkan produktiviti dan menjadi pemimpin yang lebih baik. Selain itu, perkongsian pengetahuan dikalangan pekerja juga boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti kerja dan perkhidmatan kepada pelanggan. Sebagai tambahan, melalui aktiviti perkongsian ilmu, pegawai yang telah bersara boleh berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan memberikan sumbangan penulisan mengikut kepakaran, pengalaman dan pengetahuan masing-masing. Pendekatan ini bertujuan memastikan kelestarian budaya ilmu dalam pentadbiran tanah akan berterusan di masa depan.

Dalam hal ini, penubuhan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dalam menyediakan latihan kepada penjawat awam dilihat sangat penting dan memainkan peranan yang sangat diperlukan. Sebagaimana sedia maklum, INSTUN merupakan satu-satunya institusi latihan di Malaysia yang telah diberi mandat serta tanggungjawab untuk melatih kakitangan yang terlibat dalam bidang pentadbiran tanah serta ukur dan pemetaan. Sehingga kini, INSTUN telah menggalas tugas sebagai peneraju institusi latihan dalam sektor tanah dan ukur bagi melahirkan warga perkhidmatan awam yang berpengetahuan dan kompeten.

Sejajar dengan peredaran masa serta perubahan persekitaran yang berlaku, INSTUN perlu melihat semula peluang untuk melakukan penambahbaikan dan membina kekuatan baharu bagi menongkah arus, mendahului institusi latihan lain dalam aspek latihan kepada warga perkhidmatan awam khususnya dan rakyat Malaysia secara amnya. Pendekatan ini bertujuan memastikan kelestarian budaya ilmu dalam pentadbiran tanah akan berterusan di masa depan. Bagi mencapai hasrat ini, sinergi dalam merangka aspek peningkatan kapasiti warga perkhidmatan pentadbiran dan pengurusan tanah bersama pihak JKPTG wajar diperluaskan dan diterokai bersama.

Umat Islam wajib memelihara akal yang dikurniakan oleh Allah SWT dengan sebaiknya melalui pelbagai pendekatan yang boleh membangunkan fungsinya manakala sebarang perkara yang boleh menjelaskan fungsi akal wajar dijauhi. Galakan berfikir perlu dipraktikkan melalui pencarian ilmu, kajian, ijtihad dan pemikiran kritis.

#### **4. Keturunan**

Seterusnya adalah konsep memelihara keturunan melibatkan perlindungan dan pemeliharaan salasilah keluarga. Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat. Apabila keturunan telah rosak, maka struktur sosial akan menjadi kacau bilau.

Menurut istilah Ilmu Faraid, harta warisan atau harta pusaka dikenali sebagai al-tarikah. Dari segi bahasa, al-tarikah bermaksud segala apa yang ditinggalkan atau dibiarkan oleh si mati. Manakala definisi al-tarikah dari segi istilah syarak pula berlaku perselisihan fuqaha' dalam menentukan maknanya. Walau bagaimana pun, perselisihan pendapat fuqaha' dalam memberi definisi al-tarikah atau harta pusaka tidak memberi kesan kepada praktikalnya atau pengamalannya kerana perbezaan tersebut tidak akan menyebabkan berlaku perubahan dari segi hukum hakam pusaka. Perbezaan ini hanyalah dari segi lafadz atau perkataan sahaja yang berkaitan dengan istilah al-tarikah (Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang, 2006). Perkara utama dalam pembahagian harta pusaka ialah membuat wasiat. Suruhan membuat wasiat telah difirmankan oleh Allah S.W.T dalam surah al Baqarah ayat (2:180). Dapat difahami di sini akan kepentingan dan kewajipan membuat wasiat sebelum seseorang itu meninggal dunia. Wasiat yang ditinggalkan itu pula mestilah memihak kepada ibu bapa dan sanak saudara. Rasulullah juga menggalakkan umatnya yang mempunyai harta agar dapat melakukan wasiat semasa hidupnya dengan mengikut peraturan agama.

Kita perlu memahami sejarah kedatangan Islam yang sebenarnya banyak membantu dan membela kaum wanita dan telah mengubah nilai-nilai yang berlaku di dalam masyarakat jahiliah. Sebelum ini kaum wanita dianggap sebagai separuh manusia oleh masyarakat Yunani, dianggap najis dan dikutuk Tuhan oleh masyarakat Yahudi dan dianggap sial oleh masyarakat Arab Jahiliah serta hidup tanpa apa-apa hak dalam masyarakat tersebut. Islam telah memberi pelbagai pembelaan dan hak yang sesuai dengan peranan dan tanggungjawab yang dikenakan ke atas mereka di dalam rumahtangga dan masyarakat.

Di antara hak yang diberikan kepada kaum wanita adalah hak untuk menerima harta pusaka. Sebelum ini dalam masyarakat Arab jahiliah, kaum wanita telah dinafikan hak mereka untuk menerima harta pusaka dari keluarga mereka. Antara yang menjadi punca orang Arab Jahiliah bertindak sebegitu rupa terhadap kaum wanita ialah kerana kaum wanita tidak ikut serta dalam perperangan untuk membela dan mempertahankan suku kaum mereka daripada serangan musuh. Perperangan pada zaman itu pula merupakan salah satu sumber pendapatan jika dapat mengalahkan lawan kerana mereka akan mendapat harta rampasan perang. Anak-anak kecil juga turut dilarang mewarisi pusaka ibu dan kerabatnya. Nabi Muhammad SAW telah menjelaskan kepada masyarakat bahawa Islam tidak menerima amalan-amalan seperti itu. Islam membela kaum wanita dan telah memberi hak mereka untuk mewarisi harta peninggalan atau harta pusaka ibu bapa mereka, suami mereka atau adik-beradik mereka. Di dalam surah an-Nisa' ayat 11, Allah menjelaskan kadar harta pusaka yang patut diperolehi oleh anak-anak atau ibu bapa. Penjelasan ini amat jelas dan berkait rapat dengan prinsip maqasid al-shariah untuk menjaga keturunan.

## 5. Harta

Akhir sekali, memelihara harta bermakna melindungi harta kekayaan daripada kehancuran dan dari peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah. Harta adalah amanah dan milik Allah S.W.T yang dianugerahkan kepada manusia sebagai lambang kekayaan di dunia. Manusia dianugerahkan harta, tetapi ianya merupakan satu hak memanfaatkan kekayaan milik Allah S.W.T dan disalurkan kepada yang berhak melalui cara yang dianjurkan oleh syarak. Justeru, pentadbiran dan pengurusan harta dalam Islam amat dititikberatkan dengan merujuk kepada konsep serta peraturan atau undang-undang yang telah ditetapkan. Harta juga merupakan amanah Allah S.W.T yang dipinjamkan kepada manusia sebagai wasilah untuk mencapai kehidupan yang diberkati.

Di samping itu, dengan memiliki harta semata-mata tanpa diurus dan dibangunkan untuk kesejahteraan manusia sejagat adalah bertentangan dengan yang dituntut oleh Islam. Ini kerana dari satu sudut yang lain, Islam menggariskan agar umat manusia berusaha bersungguh-sungguh untuk membangun dan membina kehidupan yang bahagia dan harmoni. Ia sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

*“Dia yang menghidupkan kamu di muka bumi ini  
dan memerintahkan supaya kamu membangun dan  
membina kehidupan yang harmoni di atasnya”*

(Surah Hud: 61)

Tanah merupakan kekayaan dan aset yang tidak ternilai dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada manusia. Ini disebabkan tanah bukan sekadar dijadikan tempat manusia memulakan hidup dengan mendirikan tempat kediaman di atasnya tetapi juga sebagai tempat manusia memperolehi sumber makanan dan air demi kesinambungan kehidupannya dan makhluk ciptaan Allah S.W.T yang lain. Bahkan kehidupan manusia akan berakhir dengan pengembalian jasadnya kepada tanah. Selain itu juga, tanah adalah merupakan amanah Allah yang perlu diurus dengan sebaik mungkin oleh pemiliknya kerana ia akan dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T di akhirat nanti.

Perkara 13 perlembagaan pula menjamin kebebasan individu untuk memiliki harta. Seperti juga maslahat khas lain dan untuk tujuan kepentingan umum, parlimen boleh menggubal undang-undang bagi membolehkan pengambilalihan harta oleh kerajaan. Namun, hak individu terhadap hartanya masih lagi dijaga dengan cara memastikan bayaran pampasan dibuat kepada pemiliknya. Dalam perundangan lain, Kanun Tanah Negara dan Akta Pengambilan Tanah merupakan dua akta yang secara langsung bersangkutan dengan hak terhadap harta.

Sebagai tambahan, beberapa maslahah dalam pemilikan harta diharuskan dalam Islam contohnya Islam menjadikan persetujuan antara kedua belah pihak sebagai asas jual beli dan muamalah, mensyariatkan zakat, sedekah, wasiat, hibah, wakaf, hutang dan sebagainya. Islam juga menggalakkan pelaburan positif dan meluaskan manfaat ekonomi dan akhirnya mengharamkan pengambilan harta melalui penindasan, penipuan dan pencerobohan hak orang lain. Islam tegas dan jelas mengharamkan dan memerangi perbuatan mencuri, memakan riba, menyeludup, berjudi, rasuah dan perkara yang berkaitan dengannya. Semua bukti-bukti ini secara jelas menyatakan kaitan antara maqasid shariah bagi penjagaan harta dalam pentadbiran tanah.

## KESIMPULAN

Komponen penting maqasid ini membuktikan bahawa Islam adalah sistem hidup yang lengkap, komprehensif, relevan pada bila-bila masa dan sudah tentu boleh dilaksanakan dalam apa jua urusan kehidupan. Berbalik kepada isu tanah itu sendiri, kesejahteraan hidup akan lebih sempurna apabila pengurusan tanah dapat dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh agama Islam berteraskan Maqasid Shariah dengan menerapkan ia sebagai model strategik dalam pentadbiran negara ke arah negara maju dan harmoni di mana ianya dijadikan sebagai keperluan *fundamental* kepada pengukuhan sistem pengurusan kewangan dan ekonomi negara, sosial dan politik.

Sehubungan dengan itu, ilmu maqasid yang merupakan ilmu yang mengkaji tentang asas-asas yang menjadi sasaran syarak melalui penetapan hukum yang terdapat di dalam al-Quran dan Sunnah ini harus diketengahkan. Ini kerana prinsip atau objektif asas ilmu ini merupakan kerangka terpenting dalam aplikasi kehidupan seharian sebagai pamacunya, lebih-lebih lagi dalam realiti hari ini yang cukup mencabar dan memerlukan satu pendekatan yang berkesan bagi memastikan aspek agama, jiwa, akal, keturunan dan harta terjamin.

Dalam aspek pengurusan tanah iaitu fokus utama dalam artikel ini, penekanan terhadap pengurusan dan pentadbiran tanah adalah bagi menjamin usaha pemilikan dan penguasaan tanah. Tidak dapat dinafikan bahawa kehidupan yang sempurna bagi seseorang manusia juga amat berkait rapat dengan pemilikan dan penguasaan terhadap harta iaitu tanah. Menyedari hakikat inilah, Shariah Islam telah menggariskan peraturan, hukum dan undang-undangnya yang tersendiri dalam soal pengurusan tanah. Lanya dibincangkan secara meluas di dalam disiplin dan bidangnya yang tersendiri yang dikenali sebagai Fiqh Muamalat. Umumnya, bidang ini telah menggariskan prosedur-prosedur tertentu bermula sejak dari usaha untuk memiliki, menguasai dan membelanjakan sesuatu harta terutama tanah.

Dalam skop pentadbiran negara pula, sebuah kerajaan samada kerajaan Persekutuan atau kerajaan Negeri, hanyalah pentadbir yang bertindak sebagai wakil Allah di atas muka bumi dan ia bertanggungjawab kepada Allah.

Dengan erti kata lain, kerajaan yang dipilih oleh ummah tidak lebih dari pemegang amanah Allah yang mana ianya bertanggungjawab mentadbir dan mengurus dengan cara yang bersandarkan ‘*good practices*’ , yakni efisien, proaktif dan produktif bagi setiap barang dan perkhidmatan yang diamanahkan oleh Allah kepadanya untuk dinikmati oleh rakyat atau ummah yang melantik mereka. Ini selaras dengan firman Allah yang bermaksud:

*“Dan hendaklah kamu hukumkan antara  
mereka dengan apa yang Allah telah turunkan,  
dan janganlah kamu menurut hawa nafsu mereka...”*

*(Al-Maidah 5:49)*

Menyedari bahawa tanah mempunyai kepentingan yang begitu tinggi dalam kehidupan manusia di mana jika ianya tidak ditadbir dan diurus dengan baik akan mendatangkan kesan negatif kepada sistem sosial, ekonomi dan politik sesebuah negara adalah wajar isu pengurusan harta tanah ini dikaji serta dianalisis dengan teliti khususnya dalam harta warisan supaya polisi pengurusan dan pentadbiran tanah yang adil dapat digubal serta kemudian diimplementasikan yang mana kesan akhirnya akan mendatangkan faedah kepada semua pihak atau pemegang taruh yang terlibat yakni kerajaan, pemilik tanah dan masyarakat seluruhnya.

- Abdul Hakim Mohammed, Abdul Hamid Mar Iman & Adibah Awang. (2009). Pembangunan harta tanah dan pelestarian. *Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam. Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur*
- Asmadi Mohamed Naim. (2011). *Maqasid syariah dan pemikiran pengurusan Islam.* Penerbit Universiti Utara Malaysia
- Fazira Shafie. (2014). *Isu dan cabaran bagi pewarisan harta dalam konteks pembangunan modal. Jurnal Pentadbiran Tanah, 1(1),* 12-24.
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman. (2015). *Aplikasi Maqasid al-Syariah Dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam.*
- Mohamad Zaidi Daud, Anitha Roslan, Muhamad Husni Hasbullah. (2015). *Kepentingan dan Keperluan Perancangan Harta Dalam Islam : Penilaian Menurut Perspektif Maqasid Shariah..*
- Mohd Borhanuddin Zakaria, Azli Fairuz Laki, Nur Sakiinah Ab Aziz, Abdul Qahhar Ibrahim & Norsafuan Che Noh. (2019). *Pemilikan Tanah Pertanian menurut Perspektif Maqasid Syariah. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*
- Mohd Hapiz Mahaiyadin. (2017). *Hubungan maqasid shariah dan siasah syar'iyyah dalam urus tadbir.*
- Naziruddin abdullah (2005). *Polisi Pentadbiran dan Pengurusan Tanah : Analisis Perbandingan Antara Kanun Tanah Negara dan Hukum Islam. Jurnal Syariah 13:2 (2005)*
- Nor Asiah Mohamad. (2015). *Land development in the light of the objectives of Shariah (Maqasid).*
- Rabiatu Adawiyah binti Saat. (2019). *Maqasid syariah dalam urus tadbir, KUSZA*
- Saifuldin Abdul Aziz. (2017). *Diskriminasi gender dalam pemilikan dan pembahagian harta pusaka Islam. Apakah tuntutan harta sepencarian di mahkamah syariah berupaya menafikan dakwaan tersebut.*
- Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Kamariah Yusoff, Azizah Zakaria, Fadhilah, Adibah Ismail, Norsalwati Sabtu (2017). *Penjagaan Akal Menurut Perspektif Islam Dalam Konteks Maqasid Syariah. Proceeding of 2nd Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017).*

- Sunandar. (2019). Pemilikan tanah pertanian menurut perspektif maqasid syariah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(2): 061-073.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2014). *Maqasid Al-Syariah satu pengenalan umum*. Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd.